

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 13/12/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Kajian Berkaitan Tenaga Sesuai Di Sarawak.

Kajian berkaitan tenaga sesuai di Sarawak

JUMIET NYIREK

KOTA SAMARAHAN, Khamis — Sarawak boleh diisytihar sebagai tempat yang berpotensi untuk menghidupkan sumber tenaga kerana ia mempunyai banyak sumber sebagai kajian.

Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata dengan adanya pengisytiharan itu Sarawak akan menjadi pusat sumber dan menjadi tumpuan untuk membuat pelbagai kajian.

“Mereka yang membuat kajian ini tidak terhad kepada para penyelidik tempatan sahaja malah merangkumi dunia luar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Dialog Sarawak: UNIMAS Bersama Majlis Profesor Negara (MPN), Industri dan Masyarakat di sini petang tadi.

Menurut beliau Sarawak kaya dengan pelbagai sumber asli, alam semula jadi seperti flora dan fauna, masyarakat dan sebagainya.

Beliau menambah, kajian berkaitan tenaga yang dijalankan mungkin sedikit sebanyak membantu dan menyumbang kepada Koridor Tenaga Yang Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Jelas beliau kajian yang dijalankan itu tidak hanya berkisar kepada bidang sains semata tetapi juga beberapa bidang lain yang berkaitan.

Antaranya, tambah beliau kajian tentang masyarakat atau kaum etnik dan penempatan penduduk di negeri ini.

“Sebagai contoh kaum etnik Punan yang kini

semakin pupus dan sesuatu perlu dilakukan supaya masyarakat ini tidak terus hilang,” katanya.

Mohd Fadzil juga berkata Unimas sentiasa menyokong penuh segala usaha dan kajian yang dijalankan MPN untuk turun padang bagi mendengar dan pandangan berkaitan pembangunan di negara ini.

Beliau berkata kepakaran dalam bidang sains sosial, ekonomi dan perubahan komuniti juga mempunyai hubung kait dengan kesihatan alam sekitar.

Beliau menegaskan skop dialog dan debat akan mencari penyelesaian kepada isu-isu sumber asli dan alam sekitar, sosio-ekonomi dan budaya di negeri ini amat luas.

Oleh itu, katanya usaha haruslah bertumpu kepada fokus untuk melestarikan alam sekitar bagi generasi akan datang.

Dialog Sarawak merupakan satu landasan bagi ahli akademik UNIMAS dan seluruh Malaysia untuk membincangkan isu-isu persekitaran dan alam sekitar yang berkaitan dengan negeri Sarawak.

Isu tersebut mempunyai kepentingan dalam mencapai hasrat kelestarian dan kesejahteraan masyarakat setempat, menjamin kekayaan warisan sumber asli serta alam sekitar di negeri ini.

Melalui interaksi itu diharap dapat membuahkan idea dan pandangan yang bijaksana serta menggalakkan pengemblengan tenaga kepakaran tempatan.

Ini adalah penting untuk pembangunan yang lestari bersifat integrasi, holistic dan rentas sektor.